




JABATAN PELAJARAN MELAKA
 JALAN ISTANA,
 PETI SURAT No. 62,
 75450 MELAKA

Pengarah : 06-2323782
 Timbalan : 06-2323781
 Pejabat Am : 06-2323777
 06-2323778
 06-2323779
 Peperiksaan : 06-2323780
 Fax : 06-2320500



(Seperti Dalam Lampiran)

Ruj. Kami : JPM.SPA.BAH:700-1/12 Jld. 2 (5)
 Tarikh : 31 OKTOBER 2011

Tuan,

**UNDANGAN PERSIDANGAN KEBANGSAAN TULISAN JAWI KALI KEDUA
 'IDENTITI SENI KHAT MELAYU'**

Dengan segala hormatnya surat daripada pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris UPSI/IPM/AD/649.7 bertarikh 3 Oktober 2011 mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bersama Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) akan menganjurkan Persidangan Kebangsaan Tulisan Jawi Kali Kedua pada 5 dan 6 Disember 2011, bertempat di Auditorium Aras 2 PNM 232, Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur.

3. Sehubungan dengan itu, tuan/puan yang berminat dijemput untuk menyertai persidangan tersebut. Bersama-sama ini disertakan brosur dari Universiti Pendidikan Sultan Idris yang dengan jelas menerangkan maksudnya.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
 'CINTAILAH BAHASA KITA'**

Saya yang, menurut perintah,

(HAJI DAUD BIN ABDULL)
 Ketua Sektor Pengurusan Akademik
 b.p. Pengarah Pelajaran Melaka.

s.k. :Fail Penyelaras

Untuk Tindakan/Makluman/Perhatian	
PPD	
KU P Sekolah	
KU P Akademik	
KU P Kemanusiaan	
KU P Islam/Moral	
KU Pem. Bekalan	
KU Makluma/ICT	
Peg. Kaunseling	
KU Kewangan	
KU Perk./Tadbiran	

*Mr. Helmy
 Ketua & Pdt. Hal
 PPSJ
 K. H. H. H.*

SENARAI EDARAN:

1. KETUA SEKTOR JAMINAN KUALITI
2. KETUA SEKTOR PENGURUSAN SEKOLAH
3. KETUA SEKTOR PENGURUSAN KEMANUSIAAN
4. KETUA SEKTOR PENILAIAN DAN PEPERIKSAAN
5. KETUA SEKTOR PENDIDIKAN SWASTA/KHAS
6. KETUA SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM DAN MORAL
7. KETUA SEKTOR KHIDMAT PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN
8. KETUA SEKTOR PENGURUSAN MAKLUMAT DAN ICT
9. KETUA SEKTOR PSIKOLOGI DAN KAUNSELING
10. PEGAWAI PELAJARAN DAERAH MELAKA TENGAH
11. PEGAWAI PELAJARAN DAERAH ALOR GAJAH
12. PEGAWAI PELAJARAN DAERAH JASIN
13. KETUA PENOLONG PENGARAH TEKNOLOGI PENDIDIKAN



BORANG PENDAFTARAN PERSIDANGAN

Gelaran (*Tandakan / pada yang berkenaan*)
(Tan Sri/Dato'/Prof/Dr./Tuan/Puan/Cik)

Nama:

Organisasi/Institusi/:

Alamat Pos :
.....
.....
.....

No Telefon :
No Faksimili :
E-mel :

Cara Membayar Bank Draft/*Money Order*
No :
(Dibayar atas nama *Bendahari UPSI*) atau
ke dalam akaun Bank Islam, no
08068010003264 dan lampirkan bersama
bukti pembayaran kepada pihak urus setia.

Sila isi dan kirimkan borang bersama
dengan bank draft atau *money order*
kepada yang berikut:

Urus Setia Persidangan
Institut Peradaban Melayu
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
35900 Tanjung Malim, Perak

YURAN PERSIDANGAN

RM100.00 seorang pelajar

RM150.00 seorang

RM125.00 seorang bagi pendaftaran
4 orang berkumpulan dan ke atas.

Yuran ini termasuk majlis perasmian, makan
tengah hari, kudapan, sijil dan beg seminar
serta prosiding kertas kerja.

MAKLUMAN PENDAFTARAN

Melalui pos/faks/e-mel dengan mengisi dan
menghantar borang pendaftaran sebelum tarikh
persidangan

Pendaftaran secara langsung di PNM

Untuk mendapat keterangan lanjut, sila hubungi
talian 05-450 5500/450 5502/450 5495/450 5496
atau sila faks pertanyaan ke 05-4595314.
E-mel: akmar_sfaso@ipm.upsi.edu.my
nur_atiqah@ipm.upsi.edu.my

SASARAN PENYERTAAN

Persidangan ini mengalu-alukan penyertaan
daripada ahli akademik, penyelidik, pendidik,
sejarawan, penggiat seni khat, guru agama,
pelajar serta mereka yang berminat menghadiri
dan mengambil bahagian dalam perbincangan
mengenai seni khat Melayu.



**PERSIDANGAN KEBANGSAAN
TULISAN JAWI KALI KEDUA**

Tema: Identiti Seni Khat Melayu

Pada : 05 dan 06 Disember 2011

Tempat : Auditorium Aras 2,

Perpustakaan Negara Malaysia

dianjurkan bersama:

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

dan

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

dengan kerjasama

KPM, KPPK, PSKK, JAKIM, DBP

Radio Rasmi: IKIM

Penyiar Rasmi: TV AL- HIJRAH

Akhbar Rasmi: *UTUSAN MELAYU*

PENDAHULUAN

Persidangan Kebangsaan Tulisan Jawi Kali Pertama bertemakan "Memartabatkan Tulisan Jawi Ke Arah Memperkaya Ilmu", telah diadakan pada 25 hingga 27 Ogos 2008 di Hotel Grand Blue Wave, Shah Alam, Selangor.

Bagi Persidangan Kebangsaan Tulisan Jawi Kali Kedua ini, UPSI dan PNM telah memilih tema "Identiti Seni Khat Melayu". Tema ini dipilih kerana perlunya pengkajian tentang identiti yang melambangkan khat Melayu, melalui ciri-ciri khusus yang membentuk khat itu. Di samping itu, persidangan ini menjadi wadah untuk membincangkan perbezaan antara khat yang beridentitikan Melayu dan khat dari Mesir yang terkenal kerana khat Thuluth; Turki kerana khat Diwani Jali; Iran kerana khat Syekasteh, Ta'liq dan Nasta'liq; dan China kerana khat Sini.

Antara tokoh yang akan dijemput untuk membentangkan kertas kerja ialah Tn Hj. Mohammed Yusuf Abu Bakar - Yang Di Pertua PSKK, Prof Dr. Hj Muhammad Bukhari Lubis - Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UPSI; Tuan Hj Hamdan bin Abdul Rahman - Penyelidik UKM

ATUR CARA PERSIDANGAN 6 OKTOBER 2011 (KHAMIS)

8.30 pagi - 1.00 tengah hari
Majlis Perasmian

1.00 tengah hari - 2.30 petang
Pendaftaran peserta

2.30 petang - 3.15 petang
"Identiti Seni Khat Melayu" oleh Y.Bhg Ustaz Yusuf Abu Bakar

3.15 - 4.00 ptg

"Kesenian Khat" oleh Y.Bhg Dr. Makmur Hj Hasan

4.00 petang - 5.00 petang

"Permasalahan dan Cabaran Tulisan Jawi" oleh Ustaz Mohd Kamil Yusoff, Utusan Melayu

7 OKTOBER 2011 (Jumaat)

9.00 pagi - 9.45 pagi

"Pengajaran dan Pembelajaran Jawi/Khat di Sekolah Rendah" oleh Ustaz Hj Muhammad Husaini bin Hj Muhammad Mukhtar, Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia

9.45 pagi - 10.30 pagi

"Senario Pengajaran dan Permasalahan di Sek. Agama Swasta" oleh Ustaz Faiz, Sekolah Rendah Agama Perak.

10.30 pagi - 11.00 pagi Minum Pagi

11.00 pagi - 11.45 pagi

"Pengajaran dan Pembelajaran Jawi/Khat Sekolah Menengah" oleh Y.Bhg Tn Hj. Hamdan bin Abdul Rahman

11.45 pagi - 12.30 tengah hari

"Pengajaran dan Pembelajaran Jawi/Khat di Universiti" oleh Y.Bhg Prof. Dr. Hj Muhammad Bukhari Lubis

2.30 petang - 4.00 petang

Forum "Keindahan Tulisan Jawi dan Cabaran Mempertahankannya" oleh:

- Wakil penggiat seni khat Jawi di Selatan Thai.
 - Tokoh cendekiawan Brunei
 - Yayasan Restu oleh Y.Bhg Dato' Latif Mirasa
- Pengerusi: Y.Bhg Prof Dr. Hashim Musa

4.00 petang - 5.00 petang

Sesi Percambahan Fikiran dan Penetapan Resolusi

5.00 petang Bersurai

OBJEKTIF PERSIDANGAN

Mengenal pasti ciri-ciri yang dapat membentuk seni khat Melayu

Memupuk budaya membaca dan menulis Jawi sepanjang hayat.

Membudayakan tulisan Jawi dalam kalangan masyarakat.

Memartabatkan tulisan Jawi sebagai khazanah warisan bangsa atau warga Alam Melayu

Meningkatkan kebudayaan, kesenian dan warisan Malaysia mengenai peradaban dan budaya Melayu

KERTAS KERJA SISIPAN

(Tidak akan dibentangkan dalam Persidangan tetapi akan dimuatkan dalam koleksi kertas kerja/prosiding)

Para pensyarah, ahli akademik dan mereka yang berminat dialu-alukan menulis kertas kerja yang berkaitan seni khat dan tulisan Jawi. Kertas kerja penuh hendaklah sampai di Pejabat Urus Setia Persidangan tidak lewat dari 15 November 2011. Penyerahan kertas kerja melalui e-mel: asiah@ipm.upsi.edu.my atau f_hanim@ipm.upsi.edu.my